

Lawatan kerja pelajar Sarjana Pengurusan Pendidikan UMS ke UTB Indonesia

NST 9.11.2017 8

KOTA KINABALU: Satu lawatan kerja daripada pelajar Sarjana Pengurusan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah berjaya dilaksanakan ke Universitas Borneo Tarakan (UBT) Indonesia pada 2-4 November 2017.

Rombongan pelajar seramai 17 orang itu telah diketuai oleh Pensyarah Kanan Fakulti Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah, Dr. Mohd. Khairuddin Abdullah, telah berada di Tarakan selama tiga hari dua malam.

Dr. Mohd Khairuddin berkata dalam menongkah arus globalisasi dan dunia tanpa sempadan abad ke-21 adalah era amat mencabar.

Oleh itu, katanya amatlah perlu kita 'melihat jauh ke hadapan' dalam konteks pembinaan negara bangsa dan perubahan-perubahan yang dibawa oleh era cyberspace, dalam usaha menjadi dan membentuk generasi pelajar yang berminda saintifik, kreatif, inovatif, mencintai ilmu, progresif, berbudaya fikir, di samping berakhlak dan beradab.

Tambahnya lagi, ini sejajar dengan seruan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam kerangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang mahukan warga pendidik mempunyai kualiti tinggi dalam aspek akademik, keterampilan, akhlak dan kental jiwa mereka.